

BULETIN UTHM

Bil.5 Mei 2023 | ISSN 2232-0415



UTHM terima kunjungan Menteri Pendidikan Tinggi

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM terima kunjungan Menteri Pendidikan Tinggi
- 3 UTHM pertaruh 10 produk, bawa pulang 10 pingat di ITEX 23
- 4 UTHM sokong program Jom Baca Bersama 10 Minit, sahat tema Baca Bina Insan
- 6 UTHM anjur program tingkat kesedaran pemuliharaan penyu
- 8 Projek SULAM KidSafe Antarabangsa eratkan hubungan dengan Universitas Mercu Buana, tingkat kesedaran keselamatan jalan raya
- 10 Pelajar Senibina UTHM hasilkan reka bentuk prototaip alat bantuan untuk warga tua
- 12 Pelajar UTHM santuni gelandangan Batu Pahat, edar bungkusan makanan
- 14 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Emy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriayati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





UTHM terima kunjungan Menteri Pendidikan Tinggi

BATU PAHAT, 8 Mei 2023 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kampus induk hari ini menerima kunjungan Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin sempena lawatan kerja beliau ke universiti awam seluruh negara.

Kedatangan beliau disambut oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Naib Canselor, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim serta Pegawai-pegawai Kanan UTHM yang lain.

Dalam rangka lawatan tersebut, YB Menteri telah dibawa melawat ke pameran berimpak tinggi berkaitan kelestarian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta pameran aktiviti pelajar yang diadakan di perkarangan Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA).

Beliau turut diberi penerangan berkaitan produk inovasi yang dipamerkan antaranya dron kargo (C-Drone) dan kereta elektrik selain pameran TVET seperti Institut Penyelidikan Pendidikan dan Latihan Vokasional Malaysia (MyRIVET), Pusat UNESCO & UNIVOC UTHM, Living Lab dan Teaching Factory dengan kerjasama rakan industri, Syarikat

Teknousahawan Pelajar dan Syarikat Tebitan Universiti.

Dalam pertemuan selama lebih dua jam itu, YB Menteri juga sempat menyaksikan penukaran beberapa dokumen perjanjian persefahaman (MoU) antara UTHM dengan industri, menyampaikan bantuan bakul makanan dan wang tunai sumbangan Yayasan UTHM kepada pelajar B40 serta meninjau pelaksanaan Menu Siswa Rahmah di kafeteria berdekatan.

Pada akhir lawatan, beliau telah diberi taklimat berkenaan hala tuju dan pencapaian UTHM sepanjang 30 tahun penubuhannya, terutamanya dalam usaha memperkasakan bidang TVET negara.

Beliau dalam ucapannya menyeru UTHM untuk memantapkan lagi pelaksanaan hala tuju universiti yang bertujahkan kepada teknologi lestari dan pengangkutan agar bidang-bidang tersebut dapat menyumbang kepada penciptaan pekerjaan serta pendapatan negara.

Beliau juga berharap pengalaman dan kepakaran yang dimiliki oleh UTHM menjadi



kekuatan dalam merencanakan lagi jalinan kerjasama dengan industri bagi memperbanyak program perantisan yang bakal memanfaatkan semua pihak berkepentingan.

YB Menteri turut menyarankan UTHM untuk meneroka kebolehlaksanaan serta potensi program 'Work-Based Learning' dan bidang TVET Termaju dalam meningkatkan bilangan enrolmen, di samping

memberi nilai tambah kepada graduan di pasaran kerja kelak

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan) Jabatan Pendidikan Tinggi KPT, Dato' Prof. Dr. Norzaini Azman.





UTHM pertaruh 10 produk, bawa pulang 10 pingat di ITEX 23

KUALA LUMPUR, 12 Mei 2023 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencatat rekod apabila berjaya membawa pulang 10 pingat hasil penyertaan 10 produk penyelidikan ketika menyertai Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 23).

UTHM berjaya meraih empat pingat emas dan enam perak melalui penyertaan produk hasil kajian dan penyelidikan pensyarah dari pelbagai fakulti.

Kejayaan itu membuktikan aktiviti penyelidikan di UTHM mampu menarik perhatian umum sekali gus mampu bersaing dengan universiti ternama lain di Malaysia.

Pameran kali ke-34 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 11 hingga 13 Mei itu disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Tuan Chang Lih Kang.

Lih Kang turut menzahirkan keterujaan beliau terhadap impak

yang akan diperolehi melalui ITEX 2023 dalam menangani perubahan iklim.

“Melalui Technology Reversing Climate Change, saya teruja untuk melihat penyelesaian baharu yang inovatif yang dibina berdasarkan teknologi yang cekap tenaga atau menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui, mengurangkan pelepasan karbon dan menggunakan bahan kitar semula atau boleh guna semula,” katanya.

Beliau turut berbesar hati atas peranan dimainkan ITEX dalam memajukan ciptaan dan inovasi di negara ini serta menggalakkan pertumbuhan pencipta tempatan, selaras dengan salah satu teras Malaysia MADANI iaitu ‘Daya Cipta’.

Beliau berkata pameran itu berjalan seiring dengan hasrat kerajaan untuk menerajui dasar berorientasikan masa depan yang dirangka untuk merangsang kreativiti dan kepakaran tempatan, serta memperkasakan rakyat un-

tuk membangunkan penyelesaian ke arah Malaysia yang aman dan makmur.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ts. Dr. Rabbiah Ahmad.

ITEX 2023 kali ini mempamerkan lebih 700 penyelidikan oleh penyelidik universiti, pusat penyelidikan dalam dan luar negara, sekolah rendah dan menengah, termasuklah sektor swasta dari lebih 19 negara antaranya Indonesia, Taiwan, Korea Selatan, Arab Saudi, Iran, Korea dan Malaysia.

Sejajar dengan itu, UTHM amat komited melaksanakan lonjakan transformasi dalam penghasilan solusi kepada industri dan masyarakat seiring dengan tujuan asal penubuhan universiti teknikal di Malaysia.



UTHM sokong program Jom Baca Bersama 10 Minit, sahut tema Baca Bina Insan

BATU PAHAT – Sebagai tanda sokongan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah melaksanakan program 'Jom Baca Bersama untuk 10 Minit' peringkat universiti pada 18 Mei 2023 lalu.

Program yang diadakan secara serentak seluruh negara bermula pada jam 11 pagi itu merupakan inisiatif ke arah membentuk masyarakat minat membaca.

Untuk rekod, program tersebut merupakan program tahunan yang disambut serentak di seluruh negara pada setiap tahun sejak tahun 2014 lagi.

Ia dilaksanakan sempena Sambutan Hari Buku dan

Hak Cipta Sedunia iaitu pada 23 April yang diatur oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), yang bertujuan menggalakkan aktiviti membaca, merencanakan penerbitan dan menjaga hak cipta.

Namun begitu, pada tahun ini negara menyambut program 'Jom Baca Bersama 10 Minit' pada 18 Mei 2023 bagi memberi laluan kepada sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Sambutan pada tahun ini yang bertemakan 'Baca Bina Insan' bertujuan mendidik jiwa setiap manusia untuk menjadi insan yang berakhlak mulia, mempunyai rasa empati, kasih

sayang, hormat menghormati dan taat kepada agama.

Menurut Ketua Pustakawan PTTA, Zaharah Abd Samad, budaya membaca wajar dijadikan sebagai satu gaya hidup dalam masyarakat madani kerana membaca adalah perkara paling asas untuk meraih hidup yang lebih baik.

Tambah beliau, pelaksanaan program seumpama itu juga secara tidak langsung dapat mempromosi PTTA dan menyemai budaya membaca secara berterusan dalam kalangan warga kampus dan komuniti setempat.

"Penganjuran program ini juga diharap dapat meningkatkan visibiliti PTTA sebagai sebuah



gedung ilmu yang sarat dengan pelbagai informasi dan maklumat untuk diterokai," katanya.

Turut diadakan, Majlis Perasmian Festival Bahasa dan Seni Kebangsaan 2023 anjuran bersama Sekretariat Debat Bahasa Melayu, Sekretariat Rukun Negara dengan PTTA.

Majlis yang dirasmikan oleh Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Dr. Lutfan Jaes selaku wakil rasmi Naib Canselor tersebut diisi dengan

sesi lafaz Ikrar Rukun Negara, persembahan puisi bertajuk 'Bahas Kita' oleh ahli Majlis Perwakilan Pelajar UTHM, Mahathir Mohd Akhar dan bual bicara bertajuk "Gaya Bahasa dalam Pantun Kelakar Tenas Effendy" bersama Dr. Hajah Maskiah Masrom, Dekan Sekolah Pendidikan merangkap Ketua Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim.

Tepat jam 11 pagi, PTTA para pengunjung PTTA serta warga UTHM diseru berhenti seketika

dan membaca sebarang bahan bacaan sama ada dalam format bercetak atau digital, buku, majalah atau bahan bacaan yang terdapat di dalam telefon pintar masing-masing secara serentak selama 10 minit.

PTTA berharap program itu dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun akan datang dan semua dapat berganding bahu dalam menjayakan kempen membaca sama ada di peringkat UTHM mahupun kebangsaan.





UTHM anjur program tingkat kesedaran pemuliharaan penyu

PULAU PERHENTIAN - Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) serta Jabatan Perikanan Besut dengan kerjasama Persatuan Siswazah Generik PPUK telah melaksanakan program "Sea Turtle Conservation Expedition 2023" pada 5 hingga 8 Mei lalu bertempat di Pantai Tiga Ruang, Pulau Perhentian, Terengganu.

Program tersebut diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan pemeliharaan dan pemuliharaan populasi penyu sekali gus memberi kesan positif kepada ekosistem laut yang semakin terancam.

Pelaksanaannya juga bagi memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari tentang habitat penyu laut dan bagaimana menjaga kelestariannya.

Program yang diketuai Penasihat Persatuan Generik, Dr. Adi Syahid Mohd Ali melibatkan penyertaan pelajar siswazah PPUK, sukarelawan dan komuniti setempat.

Dalam misi tersebut, mereka berjaya membina *Hatchery* penyu lestari sebagai usaha memelihara dan memulihara populasi penyu

laut yang semakin terancam.

Menurut Dr. Adi, pelbagai aktiviti pengumpulan data dan maklumat, penjagaan sarang penyu, perlindungan telur dan anak penyu serta pembersihan kawasan pantai berjaya dilakukan dengan sempurna.

"Menariknya, pusat penetasan telur penyu laut dibina menggunakan bahan kayu terpakai beserta teknik *modular installation* untuk membina *Hatchery* penyu yang efisien.

"Konsep pembinaan itu dipilih bertujuan untuk mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar serta mengguna semula kayu terpakai.

"Teknik *modular installation* ini memudahkan pemasangan serta membolehkan *Hatchery* penyu dibina dengan cepat dan mudah dipindahkan jika diperlukan," jelas beliau.

Sementara itu, penggunaan kayu terpakai sebagai bahan pembinaan pula bertujuan mempromosikan konsep pembangunan lestari dan mendorong kepada penggunaan bahan semula jadi.

"Dalam jangka panjang, penggunaan bahan kayu terpakai dan teknik *modular installation*

diharap dapat membantu mempercepat usaha pemeliharaan dan pemuliharaan populasi penyu laut di kawasan tersebut tanpa merosakkan alam sekitar," katanya.

Pusat penetasan telur penyu laut yang telah siap dibina di Pulau Perhentian telah diserahkan secara

rasmi kepada Ketua Pejabat Bahagian Taman Laut dan Perlindungan Sumber Daerah Besut, Abdul Ghafar Saleh sebagai tanda kesinambungan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan populasi penyu laut di kawasan tersebut.





Projek SULAM KidSafe Antarabangsa eratkan hubungan dengan Universitas Mercu Buana, tingkat kesedaran keselamatan jalan raya

Bagi merencanakan lagi aktiviti universiti di peringkat antarabangsa, Pusat Penyelidikan Pemanduan Bijak, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bekerjasama dengan Universitas Mercu Buana, Indonesia bagi menjayakan program SULAM KidSafe pada 8 Mei 2023 lalu.

Program yang diadakan di Madrasah Ibtidaiyah Alam Robbani, Kota Bks, Jawa Barat Indonesia melibatkan tiga Pensyarah FKAAB iaitu Profesor Madya Dr. Munzilah Md. Rohani (ketua), Dr. Hanifi Othman dan Noorliyana Omar.

Seramai 10 pelajar FKAAB dan 12 pelajar UMB berganding bahu melaksanakan program SULAM KidSafe yang disertai hampir 60 murid dari Madrasah Ibtidaiyah Alam Robbani.

Program tersebut merupakan kaedah pengajaran berasaskan kelas kepada komuniti yang dijalankan dalam suasana pembelajaran aktif luar kelas.

Menurut Dr. Munzilah, matlamat utama SULAM KidSafe itu adalah untuk menggalakkan pelajar UTHM dan UMB meningkatkan kreativiti dan inovasi mereka dalam menyumbang dan berkongsi pengetahuan berkaitan keselamatan jalan raya kepada masyarakat.

"Melalui kaedah ini, para pelajar yang terlibat dapat mengguna dan mempertingkatkan kemahiran kognitif, psikomotor dan afektif untuk berkomunikasi secara berkesan dan bekerja dalam satu pasukan.

"Bukan itu sahaja, malah pelajar juga dapat mengaplikasikan ciri-ciri kepimpinan dan bakat yang mereka ada dengan lebih yakin untuk melaksanakan tugas projek yang diberikan secara efektif dan berinovasi," katanya.

Pelaksanaan SULAM KidSafe merupakan usaha untuk merapatkan hubungan universiti bersama komuniti setempat melalui program perkongsian ilmu di samping menyemai disiplin dan pengetahuan berkaitan keselamatan jalan raya.

"Ini secara langsung dapat mempamerkan komitmen pelajar sebagai duta UTHM terhadap isu kemalangan jalan raya yang sering berlaku di Batu Pahat, Johor.

"Program ini juga telah mengeratkan hubungan antara UTHM dan UMB dan diharapkan program ini dapat dilaksanakan lagi pada masa hadapan," kata Dr. Munzilah.





Pelajar Senibina UTHM hasilkan reka bentuk prototaip alat bantuan untuk warga tua

BATUPAHAT, 22 Mei 2023 – Seramai 22 penuntut tahun satu program Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya menghasilkan reka bentuk prototaip alat bantuan untuk warga tua bagi membantu memudahkan aktiviti harian mereka.

Idea reka bentuk alat bantuan itu telah dipertontonkan dalam satu sesi demonstrasi di Pusat Jagaan Warga Tua Maimunah.

Projek ini merupakan sebahagian daripada projek semester yang sedang berjalan dan memenuhi keperluan kursus Studio Senibina 02.

Para pelajarnya dibimbing oleh tiga pensyarah iaitu Nadiyah Noor Hisham, Dr. Azmal Sabil dan Nasrul Arif Ahmad Mahmud.

Menurut Nadiyah, projek tersebut dilaksanakan bertujuan untuk mendekati warga tua bagi mengetahui keperluan mereka dalam menjalani kehidupan seharian dengan berkualiti.

“Projek khidmat masyarakat ini telah mengambil masa selama empat minggu bermula daripada fasa reka bentuk sehinggalah penghasilan prototaip.

“Bahan yang digunakan pula adalah daripada bahan terbuang yang masih dalam berkeadaan baik,” katanya.

Tambah beliau, memandangkan reka bentuk yang dihasilkan adalah dalam peringkat prototaip, beberapa pembaikpulihan terutama berkaitan bahan yang digunakan boleh diperbaiki untuk penghasilan masa hadapan.


Antara aspek yang dikaji adalah berkaitan dengan pergerakan yang terbatas, sokongan bagi keseimbangan ketika pergerakan dan juga aktiviti harian seperti memakai kasut dan baju.

Kumpulan sasaran adalah warga tua berumur 60 ke atas yang memerlukan alat bantuan bagi membantu mereka mengendalikan kehidupan seharian dengan lebih baik.


Sementara itu, wakil Pusat Jagaan Warga Tua Maimunah, Hasifah Misnon merangkap jururawat bertugas berkata idea reka bentuk dan inisiatif yang dihasilkan oleh penuntut senibina itu sangat berpotensi untuk dikomersialkan kerana mempunyai keunikan tersendiri dan bernilai tinggi.

Bagaimanapun, beliau mencadangkan beberapa penambahbaikan dan ubah suai perlu dilakukan pada sistem tersebut.





Gambar 1 Lukisan salah satu kumpulan pelajar yang mereka bentuk tongkat yang boleh digunakan sebagai sokongan ketika di bilik air



Gambar 4 Lukisan persembahan bagi prototaip yang dihasilkan sekumpulan pelajar senibina dimana ianya di rekabentuk bagi memberi sokongan untuk bangun daripada katil dan menyelusur susur tangan di koridor hospital



Gambar 2 Warga Tua mencuba prototaip yang direka penuntut senibina



Gambar 5 Warga Tua mencuba prototaip yang direka bentuk untuk memudahkan sokongan untuk bangun daripada katil



Gambar 3 Warga Tua mencuba prototaip yang direka sekumpulan penuntut senibina untuk digunakan sebagai sokongan ketika di bilik air.



Gambar 6 Prototaip ini juga boleh digunakan bagi memberi sokongan ketika menyusuri susur tangan di koridor hospital





Pelajar UTHM santuni gelandangan Batu Pahat, edar bungkusan makanan

BATU PAHAT, 26 Mei 2023 – Sebagai tanda prihatin universiti kepada komuniti, 37 pelajar dari Kursus Kokurikulum Berkredit Pembimbing Rakan Sebaya, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menyantuni para gelandangan sekitar bandar Batu Pahat melalui program Sentuhan Kasih Gelandangan.

Sebanyak 30 bungkusan makanan berjaya diedarkan kepada golongan gelandangan yang melibatkan beberapa lokasi seperti terminal bus dan jalan di sekitarnya terutama di kaki lima bangunan dan deretan kedai.

Aktiviti khidmat komuniti tersebut dilaksanakan bertujuan untuk mencapai matlamat yang termaktub dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) iaitu matlamat ke-2 (kelaparan sifar).

Program anjuran Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Setia Sejagat Batu Pahat (NGO) dan Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Pahat (IPD) itu turut melibatkan penyertaan tujuh staf Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan lima anggota polis.

Menurut pengarah program, Amirul Sufian, mereka mengambil keputusan untuk bergotong-royong memasak sendiri nasi berlauk sebelum mengagihkan makanan tersebut kepada gelandangan.

“Selain sebagai tanda prihatin, program ini memberi peluang kepada golongan tersebut menikmati makanan sihat dan berkualiti.

“Pelaksanaannya juga bagi memupuk sikap prihatin pelajar terhadap golongan yang kurang berkemampuan sekali gus meningkatkan kemahiran

komunikasi kami dalam menyantuni golongan seumpama itu.

“Program ini juga diharap dapat memberi contoh teladan kepada penduduk setempat untuk berkongsi rezeki dengan golongan gelandangan,” katanya.

Sementara itu, pengajar kursus, Khadijah Maulah Bahrol pula berkata kejayaan program ini bukan sahaja hasil komitmen pelajar, tetapi juga hasil sumbangan dan sokongan daripada pihak NGO serta IPD Batu Pahat.

“Mereka telah menyumbangkan tenaga dalam membantu pelajar menyediakan makanan dan memastikan keselamatan pelajar sewaktu pengagihan makanan dijalankan,” katanya.

Beliau berharap program sebegini dapat dijalankan secara berterusan bagi membantu golongan kurang bernasib baik khususnya di negeri Johor.

“Pada masa yang sama usaha ini sebagai sokongan moral kepada gelandangan agar mereka terus terinspirasi untuk berusaha ke arah hidup yang lebih baik dan secara tidak langsung dapat membantu kerajaan mencapai hasrat *bandar sifar gelandangan*,” tambah beliau.





IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS
QR CODE



SCAN ME



Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601
FAX: +(607) 453 6023
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

PENGANALISA WEB

WEB SPECIALIST

PEMBANGUN KANDUNGAN
WEB

PENGURUS PROJEK WEB

PEREKA WEB



KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahuan dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini




MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usaha sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekati kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR

RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030